

MINIT
MESYUARAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA
BIL.1/2014

Kementerian : Kementerian Kewangan

Jabatan : Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Tarikh : 21 Mei 2014 (Rabu)

Masa : 2.30 petang

Tempat : Dewan Persidangan Sri Rampai,
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 3 Selatan, No 3, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, 62592, Putrajaya

Pengerusi : YBhg. Dato' Haji Matrang bin Suhaili
Timbalan Ketua Pengarah Kastam
(Penguatkuasaan/Pematuhan)

Pengerusi Bersama : En.S.Raja Kumaran
Chairman
Focus Group Trade Facilitation –MICCI

Kehadiran : Seperti di Lampiran I

1. UCAPAN PENGERUSI

- 1.1 YBhg. Dato' Haji Matrang bin Suhaili selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kedatangan semua ahli mesyuarat.
- 1.2 Dato' Pengerusi memaklumkan Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta menjadi platform yang terbaik untuk pihak Kastam dan swasta berkongsi maklumat, idea dan membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan kedua-dua pihak serta mendapatkan penyelesaian bagi kepentingan bersama.
- 1.3 Dato' Pengerusi turut memaklumkan ahli mesyuarat bahawa sebanyak 17 usul akan dibincangkan pada mesyuarat ini, 15 usul merupakan perkara berbangkit daripada mesyuarat lepas dan 2 usul sebagai usul baru.
- 1.4 Dato' Pengerusi memaklumkan Jabatan Kastam telah dilantik sebagai WCO *Asia Pacific Vice Chair* untuk tahun 2014 hingga 2016.
- 1.5 Beliau berharap pelantikan JKDM sebagai WCO *Asia Pacific Vice Chair* merupakan satu langkah positif bagi Jabatan dalam merealisasikan visi Jabatan untuk memberi perkhidmatan bertaraf dunia pada tahun 2015.

- 1.6 Dato' Pengerusi menyatakan Jabatan akan melaksanakan pendaftaran awal bagi GST bagi Orang Berdaftar Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) bermula 1 Jun 2014.
- 1.7 Beliau berharap Bahagian GST JKDM menyediakan maklumat yang cukup kepada Orang Berdaftar Cukai Barang dan Perkhidmatan berkenaan pendaftaran ini.
- 1.8 Dato' Pengerusi turut memaklumkan sistem uCustoms yang akan menggantikan sistem SMK merupakan satu cabaran yang besar kepada Jabatan sehingga sistem uCustoms dilancarkan.
- 1.9 Dato' Pengerusi menyatakan pengkorporatan JKDM akan memberi kesan yang menyeluruh dari segi budaya kerja.

UNTUK MAKLUMAN

2. UCAPAN PENGERUSI BERSAMA

- 2.1 Pengerusi Bersama, Encik S.Raja Kumaran mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang hadir ke mesyuarat.**
- 2.2 Pengerusi Bersama mengucapkan tahniah kepada pihak JKDM atas pelantikan Malaysia khususnya Jabatan Kastam sebagai *Vice Chair Asia Pacific Region dalam World Customs Organization (WCO)*.**
- 2.3 Encik Raja Kumaran berharap pelantikan ini akan memberi kelebihan kepada Jabatan dalam merealisasikan visi Jabatan untuk memberi perkhidmatan bertaraf dunia pada tahun 2015.**
- 2.4 Beliau memaklumkan walaupun Jabatan telah mengeluarkan 80 garis panduan berhubung GST, namun masih wujud ketidakpastian dan ketidakfahaman mengenai garis panduan tersebut.**
- 2.5 Pengerusi Bersama mencadangkan pegawai-pegawai JKDM yang berpengetahuan luas dalam GST perlu ditempatkan di stesen-stesen agar dapat memberi tunjuk ajar kepada golongan peniaga.**
- 2.6 Beliau turut meminta Jabatan untuk bersiap sedia bagi menghadapi cabaran yang bakal diterima selepas perlaksanaan sistem uCustoms.**

- 2.7 Encik S.Raja Kumaran juga berharap pengkorporatan Jabatan pada tahun 2015 perlu lebih telus dan kualiti perkhidmatan yang diberi perlu ditingkatkan agar dapat memenuhi ekspektasi pihak swasta kelak.
- 2.8 Pengerusi Bersama mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kastam kerana dapat menganjurkan mesyuarat pada kali ini.

TINDAKAN :UNTUK MAKLUMAN

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Mesyuarat telah mengesahkan Minit Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta Bilangan 2/2013 yang telah diadakan pada 29 November 2013 (Jumaat) dengan membuat pindaan pada usul:

4.4 CUSTOMS LICENSE – PRESENT VALIDITY PERIOD IS TWO YEARS (M/S 7)

- a. Tempoh pembaharuan lesen untuk Agen Penghantaran dan Agen Perkapalan dipanjangkan kepada 5 tahun dengan syarat agen berkenaan mematuhi dan tidak melanggar sebarang syarat kebenaran.

4. MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 SERVICE LEVEL AGREEMENT (SLA)

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Tempoh masa proses pendaftaran jaminan bank yang baharu adalah 70 minit dan tempoh masa bagi proses pemulangan jaminan bank yang baharu adalah 5 hari bekerja.
- ii. Tempoh masa yang dipersetujui telah dimaklumkan kepada negeri-negeri melalui surat bertarikh 4 Februari 2014 untuk dilaksanakan serta membuat pindaan ke atas piagam pelanggan yang sedia ada.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

4.2 SELF CERTIFICATION REGIME – PROPOSAL TO IMPOSE STRICTER PENALTIES AGAINST FRAUDULENT DECLARATIONS

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Cadangan pindaan baharu bagi menetapkan kadar denda minima RM20,000.00 yang dikenakan ke atas kesalahan ikrar di bawah *Self Certification Regime* masih dalam kajian Kementerian Kewangan.
- ii. Kajian terhadap cadangan tersebut berada dalam peringkat akhir untuk diluluskan.

TINDAKAN : KEMENTERIAN KEWANGAN

4.3 VALUATION FOR EXCISE DUTIES

a. Mesyuarat mengambil maklum :

- i. Draf Peraturan-peraturan Eksais (Pindaan) 2014 yang bertujuan untuk memasukkan borang JKED No.6A dan JKED No.68 telah disediakan.

- ii. Salinan Peraturan-Peraturan Eksais (Pindaan) 2014 yang telah ditandatangani oleh YB Menteri Kewangan II telah dikemukakan oleh Kementerian Kewangan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diwartakan.
 - iii. Walau bagaimanapun, terdapat masalah teknikal perundangan mengenai peruntukan substantif dalam Peraturan- Peraturan ibu mengenai rujukan secara khusus kepada borang tersebut untuk membolehkan tindakan pewartaan dilaksanakan.
- b. Mesyuarat membuat keputusan bahawa isu ini perlu diselesaikan segera kerana sudah berada di peringkat terakhir dalam tempoh waktu yang lama.

**TINDAKAN : KEMENTERIAN KEWANGAN & BAHAGIAN
PERKHIDMATAN TEKNIK**

4.4 CUSTOMS LICENSE – PRESENT VALIDITY PERIOD IS 2 YEARS

a. Mesyuarat mengambil maklum:

- i. Tempoh masa bagi pembaharuan lesen Agen Penghantaran dan Agen Perkapalan telah dipersetujui.
- ii. Perbincangan berasingan JKDM bersama pihak swasta (AFAM, JOFFA, SAM dan SFFLA) telah diadakan bagi membincangkan syarat-syarat untuk mendapatkan kemudahan tempoh pembaharuan lesen Agen Penghantaran dan Agen Perkapalan.
- iii. Kemudahan pembaharuan lesen Agen Perkapalan dan Agen Penghantaran untuk 5 tahun dapat dinikmati sekiranya :
 - Penyata Cukai Perkhidmatan dikemukakan tanpa kelewatian. Walau bagaimanapun, kelewatian yang tidak melebihi tiga kali dalam tempoh setahun boleh diterima ;
 - Maklumat pengikraran tidak diubah dengan sengaja yang boleh menyebabkan pengikraran salah seperti deskripsi dagangan/ kuantiti/ harga.

- b. Mesyuarat membuat keputusan surat berkenaan tempoh pembaharuan lesen agen Penghantaran dan Agen Perkapalan akan diedarkan kepada semua Pengarah Negeri dan presiden persatuan.

TINDAKAN: BAHAGIAN PERKASTAMAN

4.5 ADVANCE MANIFEST DECLARATION

Mesyuarat mengambil maklum bahawa pindaan Seksyen 52(1) Akta Kastam 1967 telah dibuat hasil daripada tindakan usul ini.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

4.6 RECOGNIZING PENANG EXPORT DECLARATION DEMINIMIS FOR BOTH K2 & K8

Mesyuarat mengambil maklum Kementerian Kewangan akan mengadakan mesyuarat bersama wakil CAPEC berhubung mendapatkan data-data dari Jabatan Perangkaan dan akan menyelesaikan isu ini dalam masa dua minggu.

TINDAKAN : KEMENTERIAN KEWANGAN

4.7 INTERNATIONAL COMMERCIAL TERMS - INCOTERMS 2010

a. Mesyuarat mengambil maklum :

- i. Keperluan memberi kebenaran kepada agen yang dilantik oleh pembekal melalui kaedah EXW (Ex-works) atau DDP (Delivery Duty Paid) di bawah INCOTERMS untuk membuat pengikraran dan pelepasan dagangan.
- ii. Mengikut peruntukan di bawah Seksyen 78(1) Akta Kastam, pengimport atau pengeksport membuat dengan sendiri atau melalui agennya kepada pihak kastam yang hak suatu akuan pada keseluruhanya, mengikut borang yang ditetapkan ;
- iii. Manakala, di bawah Seksyen 90(1) (b) Akta Kastam, mana-mana orang yang bertindak sebagai agen hendaklah menunjukkan suatu kuasa bertulis daripada orang yang pihaknya akan bertindak.

b. Mesyuarat membuat keputusan :

- i. Peruntukan di bawah Seksyen 90(1)(b) Akta Kastam 1967 tidak memberi kebenaran kepada mana-mana orang yang tidak dilantik di bawah akta ini sebagai wakil pengimport atau pengeksport.

- ii. Agen yang dilantik melalui kaedah EXW dan DDP perlu menggunakan pelantikan agen di bawah Seksyen 90(1)(b) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 78(1) Akta Kastam 1967.
- iii. Usul ini dianggap sebagai kes terpencil dan dianggap selesai.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

4.8 ONE STOP CENTRE FOR ALL CUSTOMS' DECLARATIONS

IN PORT KLANG

Mesyuarat mengambil maklum pelaksanaan uCustoms akan menyelesaikan masalah yang dihadapai oleh Operator Pelabuhan dan Agen-Agen Penghantaran di Pelabuhan Klang.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

4.9 FREEZING OF CUSTOMS AGENTS' LICENCE

- a. Mesyuarat mengambil maklum kertas cadangan untuk membuka semula permohonan baru Lesen Agen Kastam telah dihantar kepada Kementerian Kewangan.
- b. Mesyuarat membuat keputusan :
 - i. Surat peringatan kepada Kementerian Kewangan akan dihantar terhadap perkara ini.
 - ii. Surat sebagai tanda sokongan juga perlu dihantar oleh persatuan Agen Penghantaran dan Agen Perkapalan berhubung isu ini kepada pihak Kementerian Kewangan.

TINDAKAN : KEMENTERIAN KEWANGAN & BAHAGIAN

PERKASTAMAN

4.10 MOVEMENT OF GOODS OUT OF THE LICENSED MANUFACTURING WAREHOUSE (LMW) PREMISES

- a. Mesyuarat mengambil maklum bahawa pembayaran duti import atau cukai jualan oleh Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) secara atas talian (*online payment FSPG –FPX*) hanya terhad kepada jumlah tidak melebihi RM 10 juta per transaksi bagi duti Kastam.
- b. Mesyuarat mengambil maklum bagi pembayaran atas talian melalui *portal CJP online* (cukai jualan tempatan dan cukai perkhidmatan) nilai had transaksi juga telah dinaikkan sehingga RM10 juta per transaksi.
- c. Mesyuarat membuat keputusan bahawa tindakan pembayaran secara atas talian akan diseragamkan kepada semua negeri setelah pelaksanaan uCustoms.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

4.11 ROYALTY

- a. Mesyuarat mengambil maklum :
 - i. Masih terdapat kes-kes berkaitan royalti yang belum diputuskan di peringkat Mahkamah Persekutuan dan kajian hanya boleh dibuat selepas semua isu perundangan dikaji berdasarkan keputusan Mahkamah Persekutuan.
 - ii. MICCI berharap tuntutan Jabatan Kastam untuk mengarahkan syarikat membuat pembayaran bagi *Bill of Demand* (BOD) dihentikan sementara menunggu keputusan daripada Mahkamah Persekutuan.
- b. Mesyuarat membuat keputusan :
 - i. Jabatan mempunyai kuasa untuk meminta syarikat menyelesaikan *BOD* yang tertunggak.
 - ii. Isu sama ada tuntutan dibuat oleh Jabatan atau tidak bergantung kepada *case by case basis*.
 - iii. Namun begitu, perbincangan lanjut perlu diadakan dengan pihak terbabit berkenaan usul ini.

TINDAKAN : BAHAGIAN PERUNDANGAN

4.12 i) EXCHANGE RATE TO BE USED FOR SERVICE TAX PURPOSES

ii) CALCULATION OF SALES TAX

- a. Mesyuarat mengambil maklum Jabatan akan kekal dengan keputusan yang sedia ada, iaitu kadar mata wang asing yang perlu diguna pakai bagi invois yang dikeluarkan dalam mata wang asing untuk bayaran cukai perkhidmatan atau cukai jualan kepada JKDM adalah kadar Tukaran Wang Asing pada kadar import yang dikeluarkan oleh Jabatan.
- b. Mesyuarat membuat keputusan untuk mengkaji semula keputusan ini.

TINDAKAN : BAHAGIAN GST

4.13 REVIEW STATUS OF LMW AND FIZ

Mesyuarat mengambil maklum satu perbincangan berasingan telah oleh JKDM dengan pihak swasta bagi membincangkan isu ini dan isu ini telah selesai.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

4.14 K8 - HANGING FORM

a. Mesyuarat mengambil maklum :

- i. satu perbincangan berasingan telah diadakan bersama pihak swasta.
- ii. Kesalahan yang berlaku bukan oleh pelanggan Jabatan tidak seharusnya dikenakan kompaun.
- iii. Kajian akan dibuat bagi mengetahui punca berlaku masalah *hanging form*.

b. Mesyuarat memutuskan Bahagian Perkastaman akan mengadakan mesyuarat bersama Timbalan-Timbalan Pengarah Kastam Negeri berhubung isu ini.

TINDAKAN: BAHAGIAN PERKASTAMAN

4.15 SURAT DARIPADA IBU PEJABAT TIDAK DITERIMA DI STESEN LAIN

Mesyuarat mengambil maklum satu perbincangan berasingan dengan pihak swasta telah diadakan dan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat perlu dihantar melalui emel Jabatan Kastam kepada semua pegawai sebagai pemakluman agar dapat mengelakkan jurang komunikasi yang terwujud.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

5. MEMBINCANGKAN USUL-USUL BARU

5.1 HIKE IN CUSTOMS RELATED LICENSING AND PERMIT FEES

a. Mesyuarat mengambil maklum :

- i. Kerajaan Malaysia telah menaikkan kadar fi bagi pengeluaran permit dan lesen di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976.
- ii. Kadar fi yang dicadangkan adalah termasuk untuk mengeluarkan lesen bagi Gudang Pengilangan Berlesen (GPB), gudang-gudang awam dan persendirian serta pengeluaran rokok dan arak.
- iii. Pindaan Peraturan-Peraturan Kastam dan Peraturan-Peraturan Eksais/Perintah Eksais yang melibatkan kadar fi dan permit yang dinaikkan 100 peratus telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk tandatangan Menteri Kewangan bagi tujuan pewartaan.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

5.2 ESTABLISHMENT OF THEE TRUSTED ECONOMIC OPERATOR (TEO) PROGRAMME

a. Mesyuarat mengambil maklum :

- i. Satu pasukan yang melibatkan pegawai-pegawai JKDM dan sektor swasta telah ditubuhkan bagi mengkaji penubuhan *Trusted Economic Operator (TEO)* yang akan memberi manfaat kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
 - ii. FMM berharap penjelasan yang lebih jelas berhubung status program TEO akan membantu dalam menjayakan program ini.
- b. Mesyuarat memutuskan konsep uCustoms adalah memberi kemudahan pengikrar secara online sangat bertepatan dengan konsep TEO yang dicadangkan oleh FMM.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

6. MEMBINCANGKAN HAL- HAL LAIN

6.1 PENGESAHAN /PANDUAN BERHUBUNG GST

- a. Mesyuarat mengambil maklum :
 - i. *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)* memaklumkan terdapat sektor-sektor perniagan yang memerlukan pengesahan atau panduan daripada pihak Kastam berhubung isu-isu GST.
 - ii. MICPA meminta pihak Kastam untuk memaklumkan saluran yang telah disediakan (ketetapan Kastam yang sedia ada) oleh pihak Kastam demi membolehkan sector-sektor bekenaan supaya mendapat pengesahan tentang sebarang pertanyaan mengenai GST.
 - iii. Mesyuarat dimaklumkan bahawa pada masa sekarang borang khas untuk permohonan ketetapan berkaitan dengan GST belum diwujudkan.
 - iv. Pengerusi memaklumkan ahli mesyuarat bahawa segala pertanyaan mengenai GST perlu dirujuk dengan Pengarah Bahagian GST atau pegawai-pegawai daripada GST dengan datang ke pejabat Kastam.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN / SELESAI

6.2 PERLANTIKAN GST TAX AGENT

Mesyuarat mengambil maklum :

- i. *Malaysian Institute of Accountants (MIA)* memaklumkan ahli-ahli MIA tidak menerima panduan atau penerangan yang jelas untuk menjadi *GST Tax Agent*.
- ii. MIA memaklumkan tempoh masa dan panduan untuk menjadi *GST Tax Agent* tidak dimaklumkan oleh pihak Kastam memandangkan pendaftaran untuk registran GST akan bermula 1 Jun 2014.
- iii. Pihak Kastam sedang menjalankan kursus berkenaan *Tax Agent*. Walau bagaimanapun, kelulusan untuk *GST Tax Agent* perlu diperolehi dari pihak Kementerian Kewangan.
- iv. Pengerusi memaklumkan segala pertanyaan mengenai GST perlu dirujuk kepada Pengarah Bahagian GST atau pegawai-pegawai daripada GST dan meminta Bahagian GST untuk mengambil tindakan berhubung isu ini.

TINDAKAN : UNTUK MAKLUMAN

7. UCAPAN PENUTUP PENGERUSI BERSAMA

- a. Encik S.Raja Kumaran mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia kerana sudi menganjurkan mesyuarat ini.

- b. Beliau berharap agar mesyuarat ini akan diteruskan pada masa hadapan dan membawa kebaikan bersama kepada pihak swasta dan pihak Jabatan.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

8. UCAPAN PENANGGUHAN PENGERUSI

- a. Dato' Pengerusi berterima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat ini.

- b. Dato' Pengerusi berharap segala tindakan yang perlu dibuat terhadap isu-isu yang telah dibincangakan dapat diselesaikan segera agar tidak dibangkitkan semula pada mesyuarat yang akan datang.

TINDAKAN: UNTUK MAKLUMAN

9. PENANGGUHAN MESUARAT

- a. Mesyuarat ditangguh pada jam 4.45 petang.
- b. Tarikh dan tempat untuk Mesyuarat Panel Perundingan Kastam-Swasta Bil.2/2014 akan ditentukan kemudian.

Sekian,terima kasih.

Disediakan oleh:

**SEKRETARIAT
MESYURAT PANEL PERUNDINGAN KASTAM-SWASTA BIL.2/2013
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
30 JUNE 2014**

SENARAI KEHADIRAN

A. PENGURUSI

1. **YBhg. Dato' Haji Matrang bin Haji Suhaili**
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/Pematuhan)

B. PENGURUSI BERSAMA

1. **En.S.Raja Kumaran**
Chairman of Focus Group Trade Facilitation (MICCI)

C. WAKIL JKDM

1. **YBhg. Dato' Haji Zainul Abidin bin Taib**
Timbalan Ketua Pengarah Kastam
Bahagian Perkastaman/GST
2. **YBhg. Dato' Haji Hassan bin Ibrahim**
Penolong Ketua Pengarah Kastam
Bahagian Penguatkuasaan
3. **Puan Azizah binti Ibrahim**
Pengarah Kastam
Bahagian Siasatan
4. **YBhg.Dato' Haji Md.Salleh bin Said**
Pengarah Kastam
Bahagian Perkastaman
5. **YBhg.Dato' Ab.Hamid bin Salleh**
Pengarah Kastam
Bahagian Perancangan Korporat

- 6. Tuan Paddy bin Abd.Halim**
Pengarah Kastam
Bahagian Pengurusan Pematuhan
- 7. Tuan Mariappa Ramayah**
Pengarah Kastam
Cawangan Risikan
- 8. Tuan Abdullah bin Sidik**
Pengarah Kastam
Bahagian Perkhidmatan Teknik
- 9. Puan Rosinah binti Md.Murad**
Ketua Akauntan
Cawangan Akaun
- 10. Puan Zaidah binti Mohd Noor**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Teknologi Maklumat
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
- 11. Tuan Johari bin Alifiah**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Pengurusan Penilaian
Bahagian Perkhidmatan Teknik
- 12. Tuan Saidi bin Ismail**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Import / Eksport dan Kawalan Sempadan
Bahagian Perkastaman
- 13. Tuan Jaafar bin Mat Jawi**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Fasilitasi Perdagangan dan Perindustrian
Bahagian Perkastaman
- 14. Tuan Haji Wan Din bin Wan Hassan**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Perakaunan Hasil
Bahagian Perkastaman

- 15. Puan Amarjit Kaur Maktiar Singh**
Timbalan Pengarah Kastam
Bahagian GST
- 16. Tuan Ong Guan Sai**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Pendakwaan
Bahagian Penguatkuasaan
- 17. Puan Norhaziah binti Abd.Wahab**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Hal Ehwal Antarabangsa
Bahagian Perancangan Korporat
- 18. Puan Azimah binti Abd Hamid**
Timbalan Pengarah Kastam
Cawangan Perancangan Strategik
Bahagian Perancangan Korporat
- 19. Tuan Ahmad Maher bin Abd. Jalil**
Timbalan Pengarah Kastam
Bahagian GST
- 20. Puan Zaida Hussin**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Cawangan Audit Syarikat
Bahagian Pengurusan Pematuhan
- 21. Tuan Che Mood bin Harun**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Cawangan Pasca Import
Bahagian Pengurusan Pematuhan
- 22. Puan Nur Sarah Dina binti Baharudin**
Peguam Kanan Persekutuan
Bahagian Perundangan
- 23. Puan Nora'ini binti Abd. Khalid**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Cawangan Latihan
Bahagian Khidmat Pengurusan Sumber Manusia

- 24. Dr. Hosni Hussen bin Md Saat**
Penolong Kanan Pengarah Kastam II
Bahagian Perancangan Korporat
- 25. Tuan Suhaime Affindi bin Zainol Abidin**
Penolong Kanan Pengarah Kastam II
Cawangan Pengurusan Penilaian
Bahagian Perancangan Korporat
- 26. Tuan Balachandran Krishnasamy**
Penolong Pengarah Kastam
Cawangan Import/Eksport & Kawalan Sempadan
Bahagian Perkastaman

D. WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN

- 27. Encik Zainordin bin Shahlal**
Bahagian Analisa Cukai

E. WAKIL PIHAK SWASTA

- 28. YM Raja Dato'Abd Aziz Raja Muda Musa**
Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)
- 29. YBhg.Dato' Tan Kwong Jin**
Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)
- 30. Cik Maygelah Siva**
Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)
- 31. Puan Wong Hin Wei**
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)
- 32. Encik Muhammad Abdul Hadi Abdullah**
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI)

33. **Puan Wong Poh Geng**
The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
34. **Cik Tan Yu Yin**
The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
35. **Cik Lim Su Yee**
The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM)
36. **Encik Loo Chea Hee**
The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM)
37. **Encik Walter Culas**
Air Freight Association of Malaysia (AFAM)
38. **Encik Lew Nee Fook**
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
39. **Puan Yamuna Supperamaniam**
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
40. **Encik Thong Vee Kean**
Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)
41. **Encik Ong Whee Tiong**
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
42. **Encik Yong Siew Meng**
The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
43. **Encik Salihin Abang**
Malaysian Institute of Accountants (MIA)
44. **Puan Yeong Hoon Li**
Malaysian Institute of Accountants (MIA)

- 45. Puan Azlina Zakaria**
Malaysian Institute of Accountants (MIA)
- 46. Encik Alvin Chua**
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
- 47. Encik Toon Teng Fatt**
Johor Freight Forwarders Association (JOFFA)
- 48. Dato' Dr. Vijayan**
Federation of Malaysia Freight Forwarders (FMFF)
- 49. Cik Jessica Ho**
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 50. Encik Kamarul Azman**
Conference of Asia-Pacific Express Carriers (CAPEC)
- 51. Encik Lau Haw Chong**
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
- 52. Encik Mohd Salimi Ahamad**
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)
- 53. Encik Kok Lee Wing**
Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)

F. SEKRETARIAT

- 54. Tuan Aidid Tajuddin**
Penolong Kanan Pengarah Kastam I
Cawangan Perhubungan Awam
- 55. Tuan Najimuddin Mohd Ali**
Penolong Kanan Pengarah Kastam II
Cawangan Perhubungan Awam
- 56. Puan Kohila Rajaram**
Penguasa Kastam
Cawangan Perhubungan Awam
- 57. Puan Norsilawati Ghazali**
Penguasa Kastam
Cawangan Perhubungan Awam
- 58. Puan Hamidah Abdul Hamid**
Pegawai Kastam
Cawangan Perhubungan Awam